

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

5. Negara Eropah dan Australia melaksanakan Polisi "*No More Single-Use Plastic Bag*".
- (a) Berapakah kutipan diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil dari pelaksanaan kempen No Free Plastic Bag? Sila nyatakan kutipan mengikut bulan bagi tahun 2015 hingga 2017.
 - (b) Adakah kutipan wang digunakan mencari inovasi baru dalam mengurangkan pembuangan sisa plastik?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. (a) Jumlah keseluruhan kutipan hasil dari pelaksanaan kempen No Free Plastic Bag sejak tahun 2009 hingga Jun 2018 adalah sebanyak RM7,764,942,41. Jumlah kutipan mengikut bulan bagi tempoh 2015 hingga 2017 adalah seperti di **Lampiran A**.
- (b) Setakat ini, polisi bagi kutipan terkumpul yang diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma disalurkan sepenuhnya ke Akaun Tabung Amanah Kebajikan Negeri Pulau Pinang bagi kegunaan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) iaitu program pembasmian kemiskinan Kerajaan Negeri.

Sekiranya tujuan kutipan adalah untuk program inovasi bagi menggantikan beg plastik, ianya akan melibatkan pihak industri dan memerlukan pelaburan yang besar untuk menyediakan inovasi yang baharu bagi menggantikan beg plastik. Namun begitu, Kerajaan Negeri tetap menggunakan pendekatan ke arah membentuk kesedaran di kalangan masyarakat supaya mengurangkan penggunaan beg plastik melalui program-program seperti *Bring Your Own Shopping Bag* dan *Bring Your Own Food Container*. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberikan pengiktirafan pensijilan kepada premis perniagaan yang beralih kepada alternatif selain beg plastik sebagai rakan Kerajaan Negeri - Premis Bebas Beg Plastik.